

BUAH BUTON DI LUAK TANAH MENGANDUNG, NEGERI SEMBILAN: HUBUNG KAIT KONTEKS AGAMA DENGAN MASYARAKAT ADAT PERPATIH

Fakhrur Razi Maamor

fakhrurrazi991@gmail.com

Sabzali Musa Kahn

Akademi Pengajian Melayu

Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

sabzali@um.edu.my

Basitah Taif

Kolej Seni Kreatif

Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia

taifbasitah@hotmail.com

Received: 1st April 2022

Accepted: 30 October 2022

Ukiran kayu merupakan identiti kesenian yang menjadikan agama Islam sebagai rujukan utama dalam pembikinan karya tersebut seperti penggunaan flora sebagai bahan rujukan. Tujuan artikel ini adalah untuk menghuraikan reka bentuk buah buton yang berkonsepkan ukiran tiga-dimensi di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan yang berpandukan pada konteks keagamaan sebagai rujukan dalam kalangan masyarakat Adat Perpatih. Pengumpulan data melibatkan dua kaedah antaranya kerja lapangan bagi mengenalpasti rumah-rumah tradisional yang mempunyai buah buton di sekitar Luak Tanah Mengandung. Sementara itu, kaedah kedua pula ialah kaedah temu bual iaitu melibatkan waris, pemimpin adat, penyelidik atau pengukir dan masyarakat tempatan. Hasil kajian menunjukkan bahawa kedudukan buah buton tergantung di ruangan yang berbeza dan mempunyai ukiran berbentuk tiga-dimensi yang bervariasi seperti flora. Intihanya, reka bentuk buah buton dihasilkan berpandukan ajaran Islam selain selari dengan kepimpinan dalam masyarakat Adat Perpatih. Kekuatan pengaruh Adat Perpatih yang dibina berdasarkan Islam sebagai rujukan utama dalam perlaksanaannya telah memberi pengaruh terhadap banyak aspek kehidupan masyarakatnya termasuk juga seni tradisi mereka. Oleh itu, artikel menyarankan agar buah buton yang berkonsepkan ukiran tiga-dimensi ini dapat diaplikasikan pada ruang-ruang menjadi tumpuan masyarakat luar seperti masjid, bangunan-bangunan kerajaan dan boleh juga diaplikasikan pada pusat membeli-belah sebagai pengenalan identiti warisan bangsa.

Kata kunci: Buah buton, adat perpatih, Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan, agama

BUAH BUTON AT LUAK TANAH MENGANDUNG, NEGERI SEMBILAN: THE INTERRELATION OF RELIGIOUS CONTEXT WITH THE ADAT PERPATIH COMMUNITY

Wood carving is an artistic identity that uses Islam as a primary source of inspiration while creating artwork such as flora as a subject matter. The aim of the article is to explain the design of buah buton with a three-dimensional carving concept in Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan, which is guided by the religious context and serves as a reference among the Adat Perpatih community. Data collection includes two methods, one of which is field work to locate traditional houses with buah buton in the vicinity of Luak Tanah Mengandung. Meanwhile, the interviews included heirs, traditional leaders, researchers or carvers, and community representatives. According to the study's findings, the position of buah buton hangs in different spaces and has various three-dimensional flora-like carvings. It may be stated that the design of buah buton is based on Islamic principles as well as the leadership of the Adat Perpatih community. The strong influence of Adat Perpatih, which is based on Islam as the fundamental reference in its execution, has influenced many aspects of the community's lifestyle, including its traditional art. As a result, the article proposes that buah buton with a three-dimensional carving concept be used in locations that are associated with the outside community, such as mosques, government buildings, and could also be applied at shopping malls, as an identifier of the nation's historical identity.

Keywords: *Buah buton, adat perpatih, Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan, religion*

Pengenalan

Ukiran kayu di Malaysia merupakan identiti kesenian bangsa yang mempamerkan keunikkan dan kehalusan motif yang diaplikasikan pada permukaan kayu. Masyarakat Melayu secara khususnya menjadikan seni ukiran ini sebagai masalah terhadap kehidupan seharian mereka. Menurut Ismail Said dan Ahmad Saifuddin Abdullah (2001), seni ukiran kayu Melayu dipengaruhi daripada tiga aspek iaitu status, kepercayaan dan kebudayaan. Setiap aspek ini didokong dengan falsafah, makna dan fungsinya yang berbeza bagi tujuan penggunaannya (Nila Inangda Manyam Keumala Daud *et al.*, 2012). Masyarakat Melayu dahulu amat menekankan seni sebagai lambang identiti mereka. Sebagai contoh ukiran kayu yang diukir dengan penuh kehalusan yang melambangkan sifat kerja orang Melayu yang teliti dalam pembuatan kerjanya. Keaslian seni tradisi yang ditonjol pula menekankan aspek falsafah dan permaknaannya di sebalik estetika pengkaryaan tradisional tersebut. Kesenian tradisional ini juga merupakan cerminan keperibadian masyarakat Melayu (Izani Mat M. Hum, 2013). Pelbagai motif dan pengayaan ornamen ukiran yang diaplikasikan pada seni bina lama seperti istana dan rumah kediaman dan seterusnya melambangkan status pemilik penghuninya. Reka bentuk seni bina tradisi juga menggambarkan ciri-ciri seorang pemerintah atau pemimpin dengan menjadikan ukiran kayu sebagai hiasan yang memenuhi ruang luaran dan dalaman istana tersebut. Sebagai contoh Istana Lama Seri Menanti di Negeri Sembilan. Ukiran pada istana tersebut hanya boleh didapati pada bahagian tiang, pintu dan lambai-lambai serta corak dan motif yang terdapat pada ukiran ini kebanyakannya merupakan corak pengukiran tempatan (Raja Nafida Raja Shahminan, Fawazul Khair Ibrahim, Syed Ahmad Iskandar Syed Ariffin & Gurupiah Mursib, 2009).

Di Negeri Sembilan, buah buton merupakan ukiran tiga dimensi yang digunakan pada rumah-rumah tradisional sekitar Luak Tanah Mengandung. Nama buah buton itu sendiri diketengahkan oleh Raja Nafida Raja Shahminan (2007) dalam buku beliau iaitu “Rumah Tradisional Luak Tanah Mengandung: Kajian Inventori Rumah Bumbung Panjang”. Yaakub Idrus (1996) dalam buku “Rumah Tradisional Negeri Sembilan: Satu Analisis Seni Bina Melayu”, menyatakan bahawa buah buton seperti kepala yang tergantung di bahagian bawah tiang gantung yang mempunyai pelbagai motif, kelihatan sangat dekoratif atau sekurang-kurangnya dilarik bulat atau disegi-segikan. Buah buton juga merupakan ukiran yang berbentuk seperti sarang lebah pada bahagian bawah tiang gantung (Mohd Sabrizaa Abd Rashid & Sufian Che Amat, 2008). Oleh itu, buah buton yang terdapat pada rumah-rumah tradisional di Luak Tanah Mengandung mempunyai kepelbagaian reka bentuk. Rekaan yang pelbagai adalah berpandukan pada elemen flora sebagai rujukan dalam penghasilan subjek tersebut. Oleh itu, dengan kesenian orang Melayu yang menghasilkan karya seni tradisi dengan berpandukan pada ajaran Islam (Nur Adina Abdul Kadir *et al.*, 2018). Contohnya motif-motif yang diterapkan pada ukiran Melayu tidak menampakkan sebarang bentuk figura seperti manusia atau haiwan. Perkara ini dilarang dalam Islam kerana melibatkan pengimejan figura bernyawa. Sebaliknya, pengukir mengaplikasikan motif-motif berbentuk flora bagi menampakkan keindahan pada seni tradisi ini.

Setiap elemen seni termasuk rumah tradisional di Luak Tanah Mengandung dibina berpandukan pada sistem Adat Perpatih yang turut bersandarkan Islam. Perkara ini dinyatakan oleh Abdul Halim Nasir (2016) dalam buku beliau, “Ukiran Kayu Melayu Tradisi”, setiap elemen yang ditonjolkan dalam kesenian seperti ukiran dan rumah tradisional Negeri Sembilan secara amnya mempunyai falsafah dan makna dengan berpandukan pada adat dengan berpandukan pada ajaran Islam yang dibawa oleh masyarakat perantau Minangkabau ini. Jelas memperkuatkan kenyataan Syed Ahmad Syed Jamal (2010) dalam bukunya; “Rupa dan Jiwa”, setiap pembuatan seni orang Melayu bersebab dan mempunyai pemaknaan.



Gambar 1 Dua buah buton yang terdapat pada Rumah Datuk Muar Bongkok di Kampung Parit Seberang, Kuala Pilah

Oleh itu, buah buton yang dibina adalah selari dengan Adat Perpatih iaitu mempunyai fungsi di sebalik reka bentuk dan kedudukannya di ruang tertentu dalam atau luar rumah tradisional di Luak Tanah Mengandung. Kedudukannya di bahagian tertentu mewakili perlambangan dan status kepada keturunan dan masyarakat dalam Adat Perpatih (Siti Haliza Yusop, 2017; Yaakub Idrus, 1996; & Norhalim Ibrahim, 1985). Seajar dengan kata adat “adat bersendikan syarak, syarak bersendikan Kitabullah”; reka bentuk buah buton itu mempunyai pengaruh agama di sebalik pembuatannya. Seperti dinyatakan oleh Mohd Rosli Saludin (2009), Raja Nafida Raja Shahminan (2007), Yaakub Idrus (1996), Norhalim Ibrahim (1993) dan Nordin Selat (1976); agama Islam merupakan rujukan dalam adat ini dan turut diamalkan dalam kehidupan seharian masyarakat Adat Perpatih. Malah, konteks agama turut mempengaruhi kedudukan pemimpin dalam Adat Perpatih. Sebagai contoh pemilihan pemimpin mesti melalui proses musyawarah dan muafakat iaitu mendapat kesepakatan dalam kalangan anak-anak buah untuk pengganti ketua mereka.

Walau bagaimanapun, penggunaan konteks keagamaan terhadap buah buton tidak dinyatakan secara terperinci. Malah tidak dinyatakan maksud di sebalik tujuan pengaplikasian tersebut. Selain itu, tidak ada penghuraian yang melibatkan reka bentuk subjek tersebut yang merupakan tumpuan utama dalam artikel ini. Seperti dinyatakan oleh Siti Haliza Yusop (2017); Abdul Halim Nasir (2016); Mohd Rosli Saludin (2009); Raja Nafida Raja Shahminan (2007); Yaakub Idrus (1996); Norhalim Ibrahim (1993) dan Nordin Selat (1976) tentang hubung kait agama dengan pelaksanaan sistem dalam adat ini. Tetapi tidak dinyatakan secara mendalam berdasarkan ciri-ciri dan reka bentuk buah buton yang terdapat di Luak Tanah Mengandung. Oleh itu, tujuan artikel ini adalah untuk menghuraikan hubung kait konteks keagamaan dengan buah buton berdasarkan kehidupan masyarakat Adat Perpatih di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan.

Kajian ini turut melihat dari sudut pengamalan ajaran Islam di Luak Tanah Mengandung yang melibatkan kepimpinan dalam adat tersebut bersandarkan ajaran Islam serta maruah wanita yang menjadi keutamaan dalam Adat Perpatih. Selain itu, sorotan terhadap artistik ukiran yang berkonsepkan tiga-dimensi seakan sama dengan ukiran buah buton iaitu elemen yang diukir pada tiang gantung turut dihuraikan. Perkara ini sebagai memudahkan proses pemahaman Adat Perpatih kepada generasi muda walaupun ianya hanya seni visual tradisi. Tetapi, di sebalik konteks kesenian tersebut, terdapat sebuah pemaknaan dan falsafah tentang identiti masyarakat Adat Perpatih. Maka, penghuraian sorotan kajian tersebut sebagai penyatuan dalam menyokong dapatan kajian bagi menghasilkan sebuah analisis seterusnya menghasilkan jawapan hasil dari kajian yang dilakukan.

Sorotan Kajian Kepimpinan Adat Perpatih Berteraskan Ajaran Islam

Sistem Adat Perpatih adalah berasaskan nasab ibu atau matrilineal yang mana undang-undang tidak menetapkan peraturan tertentu yang terpakai bagi hierarki nasab ini (Mualimin Mochammad Sahid, 2018). Setiap amalan mempunyai faedah dan makna tertentu selagi selari dengan ajaran Islam. Dalam perbilangan Adat Perpatih ada menyebut tentang sistem adat ini yang berkaitan dengan ajaran Islam;

*Adat bersendikan syarak
Syarak bersendikan Kitabullah
Syarak Mengata
Adat Memakai*

Di Luak Tanah Mengandung, Yamtuan Besar mempunyai kuasa terhadap lima luak di bawahnya iaitu Luak Ulu Muar, Luak Jempol, Luak Terachi, Luak Gunung Pasir dan Luak Inas. Jawatan Yamtuan Besar dan Penghulu Luak, serta Datuk Lembaga dan Buapak ditentukan melalui proses musyawarah atau konsep “kebulatan” (Rosiswandy Mohd Salleh, 2017). Contohnya, Buapak dipilih dalam kalangan ahli Perut. Syarat untuk memegang jawatan Buapak mestilah seorang lelaki yang telah lama tinggal di kampung. Gelaran itu juga merujuk kepada singkatan ibu dan bapa (bermaksud ibu bapa). Oleh itu, mereka yang berkedudukan akan menjadi ‘ibu’ dan ‘bapa’ kepada rakyat yang diperintahnya, yang menjadikannya ketua kumpulan (Nordin Selat, 2014). Bagi pelantikan, ahli kumpulan akan berkumpul dan berbincang untuk mencapai kata sepakat dan persetujuan bagi pemilihan atau penggantian jawatan. Proses ini juga berlaku semasa pelantikan jawatan lain seperti Datuk Lembaga dan Penghulu di bawah Luak Tanah Mengandung. Perkara tersebut disebut dalam teromba Adat Perpatih yang membicarakan aspek pemilihan pemimpin:

*Bulat air kerana pembentung
Bulat manusia kerana muafakat
Bulat air kerana teguh dek gopong
Bulat manusia tegal dek muafakat*

Dalam Adat Perpatih juga ada menyebut tentang kualiti seorang lelaki yang mampu mengawal emosi dan perasaan yang membolehkannya memimpin. Ini penting untuk memastikan bahawa pemimpin yang betul akan menjalankan tugas yang betul. Dalam teromba, kata pepatah;

*Lantak ditukul
Emas ditahilkan
Kok tersuruk mana belukarnya
Kok terbenam mana buminya
Kok mati mana kuburnya
Jejak adalah perlu*

Frasa tersebut merujuk kepada tetapan sesebuah pentadbiran dalam Adat Perpatih yang menjelaskan bahawa sebarang perlakuan hendaklah dilakukan dengan berhati-hati dan mengikut tertib. Perkara ini akan membolehkan seseorang pemimpin membuat keputusan dengan bijak dan secara adil. Oleh itu, peraturan asas pelantikan pemimpin hendaklah dewasa yang matang. Keperluan itu juga sangat dituntut oleh Islam sebagai disebutkan dalam “*Al-Ahkam al-Sultaniyya: The Islamic of Governance*” oleh Mawardi (1996) yang menyatakan bahawa lelaki yang belum dewasa atau belum matang tidak boleh dijadikan pemimpin. Perkara ini akan mengganggu sistem pentadbiran dan memerlukan orang dewasa yang matang untuk memutuskan perkara tertentu. Seterusnya, dengan merujuk kepada sejarah awal Luak Ulu Muar dan Jempol di mana pemimpin mereka, Penghulu Naam dari Luak Ulu Muar dan Penghulu Daim dari Luak Jempol dilantik semasa mereka masih sangat muda. Bagaimanapun, jawatan mereka disandang buat sementara waktu oleh mereka yang lebih berpengalaman dalam hal itu, di mana Khatib Akhir, bapa Penghulu Naam memegang jawatan bagi Luak Ulu Muar, manakala To’ Pengeran pula bertanggungjawab untuk sementara memegang jawatan bagi Luak Jempol. Kewajipan para pendahulu ini adalah sah sehingga kedua-dua pemimpin itu dewasa dan cukup matang untuk mentadbir luak mereka (Abdul Samad Idris, Abdul Muluk Daud, Muahmmad Tainu & Norhalim Ibrahim, 1994).

Martabat Wanita Berdasarkan Islam

Selain itu, wanita adalah tulang belakang kepada masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Peraturan telah menetapkan bahawa pembahagian harta diwariskan kepada seorang wanita. Dia akan mewarisi tanah pusaka dan harta pusaka adalah milik keturunan ibu (Makiah Tussaripah Jamil & Jamaliah Mohd Taib, 2012). Oleh itu, wanita yang memegang harta sebagai pemegang amanah akan menyimpan aset untuk generasi seterusnya. Inilah keistimewaan bagi seorang wanita dalam Adat Perpatih di mana adat itu mengutamakan kedudukan wanita (Mohd Rosli Saludin & Mohammad Hanafiah Maulud, 2021; & Mohd Norhusairi Mat Hussin & Mohd Hafiz Jamaludin, 2016). Ciri-ciri wanita mewakili suku kaum atau waris. Oleh itu, suku kaum dianggap sebagai keluarga dan harus bertanggungjawab untuk melindungi reputasi mereka demi penghormatan; bukan sahaja untuk individu, tetapi juga kepada wanita yang akan mengembangkan legasi suku kaum.

Islam menekankan kepentingan menjaga kedudukan wanita. Menurut Abdullah Alwi Hassan (1996), Islam telah mengangkat kedudukan wanita ke tempat yang terjamin dengan meletakkan nilai yang sangat tinggi terhadap taraf wanita dalam masyarakat. Adat Papatih memandang wanita sebagai cantik dan suci, sumber belas kasihan, kekuatan rumah tangga dan penyelamat dunia dan akhirat (Nordin Selat, 1976).

Tiang Gantung


Dalam rumah tradisional Negeri Sembilan, terdapat satu unsur yang dikatakan sebagai lambang status seseorang dalam Adat Perpatih. Norhalim Ibrahim (1985) menegaskan bahawa tiang

gantung merujuk kepada lambang kuasa dan kekuatan rumah dan pemiliknya. Ini disokong oleh Muhammad Pauzi Abd. Latif dalam artikel bertajuk “Keunikkan Tiang Gantung Tak Jejak Bumi” oleh Siti Haliza Yusop (2017), yang mana tiang gantung kebiasaan terdapat pada rumah-rumah kepunyaan kerabat diraja atau bangsawan. Tiang gantung merupakan lambang kekuasaan terhadap mereka yang mempunyai kedudukan dalam Adat Perpatih. Pemerhatian awal dalam penyelidikan ini telah menunjukkan bukti bahawa kebanyakan rumah ketua adat di Luak Tanah Mengandung mempunyai tiang gantung. Reka bentuk tiang gantung tidak seperti tiang yang terdapat di kebanyakan rumah Melayu tradisional di Semenanjung Malaysia. Tiang gantung ialah tiang yang tergantung sepanjang 70 sentimeter yang dibina dalam keadaan tergantung dari bumbung rumah dan langsung tidak menyentuh lantai rumah atau bumi. Lajur menegak yang panjang berfungsi sebagai penyokong kepada .(struktur dan lantai rumah (Siti Haliza Yusop, 2017



Gambar 2, Tiang gantung yang terdapat pada Rumah Datuk Diwangsa di Muzium Warisan Melayu, Universiti Putra Malaysia

Dalam gambar 2, tiang gantung ditunjukkan dengan tiang yang menghubungkan tunjuk langit atau ukiran buah buton. Menurut Yaakub Idrus (1996), tiang gantung ialah tiang yang digantung yang tidak bersambung dengan lantai rumah atau tanah. Mohd Zambri Md. Hussain (1997), menamakan tiang tersebut sebagai tiang sothoh. Tiang tersebut berfungsi sebagai penyokong kepada kasau jantan yang digantung pada alang yang merupakan antara elemen binaan rumah tradisional. Di hujung tiang tersebut terdapat ukiran serupa yang terdapat di Masjid Kampung Parit Seberang di Luak Terachi; salah satu luak di Luak Tanah Mengandung. Struktur ini dikenali sebagai buah buton. Raja Nafida Raja Shahminan (2007), turut menyifatkan objek tidak berstruktur tiga-dimensi yang tergantung sebagai buah buton. Buah buton dikaitkan dengan imej yang muncul di tiang gantung di Luak Tanah Mengandung.



Gambar 3 Lakaran menunjukkan permissahan antara tiang gantung (berstruktur) dengan buah buton (tidak berstruktur)

Oleh itu, kehadiran tiang gantung dan buah buton tidak dapat dipisahkan; sama ada di dalam atau di luar serambi dan rumah ibu. Walaupun kedua-dua elemen adalah bahagian penting dalam rumah, kajian ini hanya memberi penekanan kepada buah buton kerana mempunyai kaitan yang agak besar dengan konteks budaya masyarakat Minangkabau. Bukan struktur ini elemen rumah mengandung makna falsafah dan nilai yang memerlukan penghuraian lanjut.

Metodologi Kajian

Kaedah kualitatif merupakan kaedah yang digunapakai bagi mencapai objektif penyelidikan ini. Oleh itu, dua data dirujuk berdasarkan kaedah ini iaitu data sekunder dan data primer. Data sekunder menjurus kepada pengumpulan data yang melibatkan rumah-rumah yang terpilih sebagai sampel penyelidikan. Manakala, data primer pula adalah melibatkan temu bual yang bertujuan mengumpul data berdasarkan jawapan dari para informan.

Pengumpulan Data

Pengumpulan data (data sekunder) merupakan kaedah sekunder iaitu pemilihan rumah yang mempunyai buah buton adalah berdasarkan dua sumber iaitu (1) Buku Raja Nafida Raja Shahminan (2007) "Rumah Tradisional Luak Tanah Mengandung: Kajian Inventori Rumah Bumbung Panjang" iaitu Rumah Datuk Muar Bongkok di Kampung Parit Seberang, Kuala Pilah, dan (2) Rumah Sali di Kampung Talang Tengah telah dipilih.

Temu bual

Temu bual (data primer) ini berkonsepkan deskriptif yang merupakan pendekatan untuk mengumpul maklumat penyelidikan buah buton. Penyelidikan sejarah memerlukan penyiataan dari pelbagai perspektif seperti mengenal pasti pemilik rumah, konteks budaya masyarakat Adat Perpatih yang diamalkan bertahun-tahun dahulu, dan ukiran yang berfungsi sebagai kerjaya seni bagi masyarakat dahulu. Oleh itu, informan yang terdiri daripada pelbagai latar belakang turut serta dalam temu bual tersebut termasuk waris keluarga, ketua Adat Perpatih, penyelidik, pengukir dan masyarakat setempat. Dapatan daripada kerja lapangan kajian ini akan dikaitkan dengan hasil soal selidik.






Jadual 1 Senarai informan yang terlibat dalam kaedah temu bual






No.	Kumpulan / Kategori	Nama
1.	Waris	Puan Ani binti Idris
		Haji Arif bin Otok
2.	Pemimpin Adat Perpatih	Dato' Menteri Maharaja Luak Terachi Dato' Haji Sulaiman bin Kasim
		Datuk Paduka Abdul Khalid bin Haji Ujang
3.	Penyelidik	Professor Madya Dr. Muhammad Pauzi bin Abdul Latif
		Puan Siti Rohamini binti Yusof
		Professor Madya Dr. Raja Nafida Raja Shahminan
4.	Pengukir	Encik Hashim bin Sahad
5.	Masyarakat Tempatan	Drs. Shamsuddin bin Ahmad
		Mohd Nor bin Mohd Amin @ Noramin

Analisis, Hasil Kajian dan Perbincangan

Analisis

Jadual 2 Analisis reka bentuk buah buton di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan

Subjek	Gambar	Penerangan	
<p>Rumah Datuk Muar Bongkok, Kampung Parit Seberang, Kuala Pilah (Luak Ulu Muar)</p>	 <p>Rumah Datuk Muar Bongkok</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kedudukan buah buton berada di hujung serambi (bulatan merah) rumah tersebut. • Terdapat dua buah buton yang dijenamakan sebagai Muar. • Kedua-dua Muar tersebut diukir pada bahagian bawah tiang gantung. • Reka bentuk kedua-dua Muar ini diukir dengan bentuk melonjong atau <i>ellipse</i>. • Sementara itu, kedua-dua subjek tersebut diukir dengan motif yang berbeza. • Motif pada Muar 1 mempunyai dua baris ukiran kecil berulang. • Setiap motif ukiran berulang tersebut diukir melentik pada kedua-dua sisi dan tajam bahagian bawahnya. 	
	 <p>Muar 1</p>		 <p>Ukiran motif berulang pada Muar 1</p>
	 <p>Muar 2</p>		<ul style="list-style-type: none"> • Motif berulang tersebut mempunyai 16 ukiran motif dan susunannya dalam bentuk horizontal iaitu lapan baris atas dan lapan lagi baris bawah. • Manakala, baris vertical pula diletakkan dua motif berulang. • Baris vertical tersebut dibentuk berdasarkan lapan pecahan iaitu bentuk berdasarkan tiang gantung yang diukir pecah lapan.  <p>Horizontal</p> <p>Vertical</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sementara itu, bahagian atas mempunyai susunan lapan kelopak yang diukir selari dengan bentuk Muar 1 tersebut.

<p>Rumah Sali, Kampung Talang Tengah, Kuala Pilah (Luak Ulu Muar)</p>	 <p>Rumah Sali</p>  <p>Sali</p>	 <p>Lapan kelopak pada bahagian atas Muar 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Muar 2 mempunyai ukiran berbentuk sisik. • Ukiran sisik tersebut mempunyai pengulangan motif pada keseluruhan perukaan Muar 2. • Seperti Muar 1, Muar 2 juga mempunyai lapan kelopak pada bahagian atasnya. • Susunan kelopak tersebut bukan dipengaruhi bentuk pecahan pada Muar 2. • Sebaliknya, susunan kelopak tersebut dipengaruhi daripada bentuk tiang gantung iaitu pecah lapan. • Buah buton pada Rumah Sali dijenamakan sebagai Sali dan hanya satu sahaja yang terdapat pada Rumah Sali. • Kedudukan Sali berada pangkal serambi iaitu berdekatan dengan dinding rumah ibu.  <p>Kedudukan Sali di pangkal serambi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Reka bentuk Sali yang kecil mirip seakan-akan bentuk buah. • Sifat buah diaplikasikan pada reka bentuk Sali. • Antara sifat yang dapat dilihat adalah kelopak pada bahagian atasnya.  <p>Kelopak pada bahagian atas Sali yang disinonimkan dengan sifat buah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sementara itu, reka bentuk pada Sali lebih kepada bentuk geometri. • Hal ini, bentuk Sali dipengaruhi daripada tiang gantung yang berbentuk pecah empat. • Pada bahagian bawah Sali terdapat geometri berbentuk empat segi sama atau <i>square</i> sebagai pengaruh daripada bentuk tiang gantung yang bersifat pecah empat. • Selain itu, bentuk Sali juga dibentuk dengan empat permukaan.
---	---	--

Hasil Kajian

Merujuk kepada temu bual yang dijalankan, kedua-dua rumah tersebut didiami oleh mereka dari golongan yang mempunyai posisi dalam Adat Perpatih. Menurut waris Ani Idris, rumah Datuk Muar Bongkok pernah didiami oleh Penghulu Luak Ulu Muar ke-7 iaitu Datuk Muar Bongkok Abdul Hashim sekitar 1940-an. Menurut beliau lagi, rumah tersebut dibina sekitar 1890-an. Kenyataan ini dibuktikan lagi dengan keberadaan pentas setinggi 1 kaki yang berada di hujung serambi rumah tersebut. Berdasarkan penyelidikan-penyelidikan sebelum ini seperti Noor Hayati Ismail *et al.* (2016), Raja Nafida Raja Shahminan (2007) dan Yaakub Idrus (1996) ada menjelaskan tentang pembahagian ruang serambi mempunyai fungsi tertentu yang menjurus kepada pengaruh Adat Perpatih seperti hujung serambi yang dikhususkan untuk Penghulu atau Ulama. Begitu juga dengan rumah Sali yang didiami oleh Datuk Lembaga dari suku Seri Melenggang. Menurut waris Arif Otok, Datuk Lembaga tersebut merupakan suami kepada pemilik asal rumah tersebut iaitu Sali Salleh; iaitu nenek kepada Arif Otok. Berdasarkan kedudukan buah buton pada rumah ini berada di luar rumah tersebut. Kedudukannya berada di bahagian pangkal serambi iaitu berhampiran dengan dinding bahagian rumah ibu. Sedia maklum, bahagian pangkal serambi merupakan tempat perbincangan anak-anak buah bersama Datuk Lembaga dan Buapak untuk sesuatu hal berdasarkan kepada penyelidikan Siti Fatimah Tuzzahrah Abd Latif dan Kamarul Afizi Kosman (2017); Noor Hayati Ismail *et al.* (2016); dan Raja Nafida Raja Shahminan (2007).

Selain itu, agama Islam merupakan agama yang dipraktikkan oleh penghuni-penghuni untuk kedua-dua rumah tersebut. Menurut Ani Idris, Arif Otok, Mohd Nor Mohd Amin, setiap penghuni tersebut mengamalkan Adat Perpatih dengan berpandukan ajaran Islam sebagai rujukan utama dalam kehidupan mereka. Malah, reka bentuk rumah tersebut turut berpandukan pada tuntutan Islam. Sebagai contoh setiap ukiran yang terdapat pada rumah-rumah tersebut tidak diukir sebarang bentuk figura bernyawa seperti manusia atau haiwan. Jawapan dari setiap informan tersebut diperkuatkan lagi dengan mereka dari kelompok penyelidik dari bidang kesenian dan kebudayaan serta pengukir Melayu. Mereka adalah Muhammad Pauzi Abdul Latif, Siti Rohamini Yusof dan Hashim Sahad. Menurut Muhammad Pauzi Abdul Latif, setiap unsur seni yang terdapat pada rumah tradisional Negeri Sembilan secara amnya, menjadikan Islam sebagai rujukan utama selain pengaruh alam sekeliling sebagai *subject matter* buat pengukir. Seperti sedia maklum, petiti masyarakat Adat Perpatih yang sangat terkenal “adat bersendikan syarak, syarak bersendikan Kitabullah” merupakan pengaruh kuat dalam kehidupan komuniti adat ini. Oleh itu, Islam sebagai punca terhadap ukiran yang dihasilkan oleh pengukir rumah-rumah tradisional Negeri Sembilan ini (Hashim Sahad, 2018).

Selain itu, terdapat juga pendapat dari informan-informan pemimpin Adat Perpatih yang lain. Mereka juga menyatakan bahawa setiap struktur pada rumah tradisional Negeri Sembilan bukan sahaja berpandukan pada konteks keagamaan semata-mata. Malah, setiap perbuatan atau tingkah laku dalam rumah juga menjadikan Islam sebagai panduan. Sebagai contoh menghadap Penghulu. Setiap langkah atau adab ketika menghadap Penghulu dimulakan dengan tujuh langkah. Menurut Abdul Khalid Ujang, tujuh langkah tersebut sebagai simbolik terhadap tujuh pertala langit yang diceritakan dalam Al-Quran. Perkara ini bukanlah menyembah Penghulu, sebaliknya sebagai kesopanan dan adab ketika berhadapan dengan pemimpin. Begitu juga dengan Sulaiman Kasim yang menyatakan bahawa sifat seorang pemimpin itu juga melambangkan agama yang dianuti. Jika baik yang ditonjolkan oleh mereka, maka baiklah ajaran agama yang dia turuti. Begitu juga sebaliknya. Dengan adanya reka bentuk rumah tradisional tersebut, pengaruh agama sangat kuat diaplikasikan terhadap reka bentuknya. Termasuk juga segala perkara yang terdapat pada rumah tradisi ini. Oleh itu, buah buton yang merupakan sebahagian daripada struktur rumah tradisi ini mempunyai pengaruh konteks keagamaan.

Selain itu, setiap ukiran yang terdapat pada buah buton tidak menampakkan sebarang bentuk figura seperti manusia atau haiwan. Menurut semua informan dalam artikel ini menyatakan bahawa, buah-buahan merupakan *subject matter* yang dijadikan sebagai rujukan buat pengukir. Manakala, Hashim Sahad sebagai pengukir yang terdapat di Negeri Sembilan mengakui bahawa ukiran yang terdapat pada buah buton mempunyai maksud iaitu perlambangan terhadap pemimpin adat atau simbolik terhadap penghuni rumah tersebut. Simbolik tersebut juga dipengaruhi dengan nilai-nilai Islam yang baik dan semestinya dijadikan rujukan oleh penghuni rumah terutamanya mereka yang berstatus pemimpin.

Berdasarkan kepada pemerhatian tentang kehadiran buah buton, kebanyakan subjek tersebut hadir bersama dengan tiang gantung. Menurut Muhammad Pauzi Abd Latif, tiang gantung adalah elemen yang memainkan peranan dalam penyokong kepada struktur bangunan seperti menyokong struktur atap. Tambahnya lagi, tiang gantung ini juga sebagai simbol kepada pemimpin yang mempunyai pengaruh dalam Adat Perpatih. Kenyataan ini disokong oleh Raja Nafida Raja Shahminan dan Shamsuddin Ahmad. Menurut Raja Nafida Raja Shahminan lagi, tiang gantung adalah struktur yang tergantung bagi menyokong kepada struktur yang lain.

Walau bagaimanapun, ragam hias yang ada pada tiang gantung tiada kaitan dengan pemilik rumah mahupun yang memegang gelaran atau jawatan dalam Adat Perpatih (Muhammad Pauzi Abdul Latif). Berdasarkan kepada buku “Rumah Tradisional Luak Tanah Mengandung: Kajian Inventori Rumah Bumbung Panjang” oleh Raja Nafida (2007), telah menyatakan bahawa ragam hias yang dimaksudkan sebagai hiasan pada tiang gantung ialah buah buton. Menurut Raja Nafida Raja Shahminan, buah buton tidak terhad pada tiang gantung sahaja, sebaliknya terdapat di beberapa bahagian dalam rumah seperti ruang seperti serambi. Bentuk buah buton direka dengan pelbagai jenis bentuk berdasarkan kepada *subject matter* yang digunakan. Kenyataan tersebut diperkuatkan lagi dengan kenyataan Hashim Sahad bahawa, rekaan buah buton ini diinspirasikan daripada alam semula jadi dan diolah sejajar dengan ajaran Islam.

Kedua-dua elemen ini iaitu buah buton dan tiang gantung mempunyai makna yang berbeza. Dari segi fungsi, buah buton dikategorikan sebagai *non-structural*, manakala tiang gantung adalah *structural* (Raja Nafida Raja Shahminan). Ini membuatkan elemen tersebut sekadar tergantung bersama-sama dengan tiang gantung. Berbeza dengan tiang gantung yang mempunyai fungsinya yang tersendiri iaitu sebagai struktur bangunan.

Perbincangan

Berdasarkan analisis visual yang dilakukan dalam kajian ini. Reka bentuk buah buton pada rumah terpilih merujuk kepada alam semula jadi. Manakala, setiap reka bentuk ini dicipta untuk disesuaikan dengan sistem Adat Perpatih terutamanya dalam konteks agama. Ini kerana reka bentuk buah buton merujuk kepada flora sebagai subjek yang selari dengan ajaran Islam yang melarang ukiran atau ciptaan mana-mana figura manusia atau haiwan. Berpegang teguh kepada agama menjadikan pemilik rumah yang mengamalkan Adat Perpatih lebih dekat dengan Tuhan. Pengamalan Islam bukan sahaja agama yang dianuti oleh para penghuni rumah, tetapi juga menjadi rujukan dan panduan kepada pengamal Adat Perpatih di Luak Tanah Mengandung khususnya. Seperti yang disebut dalam lafaz adat “adat bersendikan syarak, syarak bersendikan Kitabullah”. Malah, penghasilan buah buton turut dipengaruhi oleh kata adat ini. Oleh itu, reka bentuk buah buton yang diukir pada bahagian bawah tiang gantung merupakan salah satu elemen yang diterapkan pada rumah tradisional di Negeri Sembilan. Menurut Raja Nafida Raja Shahminan (2007), pembinaan rumah tradisional di Negeri Sembilan dibina dengan merujuk kepada Adat Perpatih yang berpandukan syarak.

Pemahaman ajaran Islam diperkuat lagi dengan struktur pembahagian ruang serambi yang menjadi tempat tergantungnya buah buton. Ini menjadikan ruang serambi sebahagian daripada kesenian yang merupakan antara konteks yang sangat rapat dengan masyarakat Adat Perpatih yang mana turut menjadikan seni binanya dipengaruhi daripada adat ini. Sebagai contoh kedudukan Datuk Penghulu dalam ruang serambi pada rumah tradisi ini adalah berada di hujung serambi. Berbeza pula keadaannya dengan tengah serambi yang dikhususkan untuk menyambut tetamu. Jika dilihat dari sudut adabnya, telah diajar kepada masyarakat kita tentang memuliakan tetamu. Perkara ini diceritakan dalam surah Az-Zaariyat, ayat 24 – 26 yang berbunyi;

“Sudahkah sampai kepadamu (Muhammad) cerita tetamu Ibrahim (malaikat-malaikat) yang dimuliakan? (Ingatlah) ketika mereka masuk ke tempatnya lalu mengucapkan: “Salam sejahtera kepadamu”, Ibrahim menjawab: “Salam sejahtera kepada kamu.” (Sambil berkata dalam hati): “Mereka ini orang tidak dikenali.” Maka diam-diam dia (Ibrahim) pergi menemui keluarganya, kemudian dibawanya daging anak lembugemuk (yang dibakar).” (Surah Az-Zaariyat, Ayat 24 – 26).

Diceritakan dalam surah tersebut tentang keperibadian Nabi Ibrahim A.S. yang menyambut tetamu yang tidak dikenalnya dengan menyediakan santapan kepada tetamu sebagai meraikan kedatangan mereka. Begitu juga dengan kehalusan dalam berfikir masyarakat Adat Perpatih dengan menempatkan tetamu yang hadir terus ke ruang yang berdekatan dengan tangga sebagai memudahkan pergerakan tetamu mereka. Ini jelas menunjukkan sifat adab yang melambangkan perwatakan yang baik dan positif dalam jiwa masyarakat adat khususnya di Luak Tanah Mengandung.

Merujuk kepada konteks visualnya, kedudukan tengah serambi ini berada berdekatan dengan anak tangga. Menurut Abdul Halim Nasir (2016), bahagian anak tangga ini kebiasaannya mempunyai ukiran motif ayam berlaga. Secara estetikanya, motif tersebut memperlihatkan gambaran dua ekor ayam jantan yang beradu kekuatan dan tenaga. Secara realitinya, sudah menjadi sifat ayam jantan apabila saling bertemu pasti akan berlaga dalam memikat ayam betina bagi tujuan proses mengawan. Pengukir telah berimajinasi dengan melihat sifat alam tersebut dalam mengetengahkan mesej bahawa perbuatan berlaga yang disifatkan sebagai berbalah atau bermasam muka yang merupakan antara perwatakan negatif manusia adalah satu sifat yang tidak baik dan tidak patut dijadikan ikutan. Oleh itu, kedudukan motif tersebut berada pada bahagian anak tangga yang menjadi tempat untuk dipijak oleh mereka yang naik ke atas rumah. Perkara ini bermaksud segala perbuatan yang melibatkan persefahaman atau berbeza pendapat yang seterusnya membawa kepada permusuhan adalah perlu ditinggalkan. Seperti itu apabila menerima tetamu, bukanlah menerima dengan hati berdendam, tetapi menerima mereka dengan hati yang terbuka bagi tujuan menjalinkan ukhuwah. Begitu juga dengan pangkal serambi yang menempatkan pemimpin-pemimpin adat dan anak-anak buah berkumpul untuk bermusyawarah. Perbincangan tersebut adalah lebih menjurus kepada hal-hal berkaitan adat dan kekeluargaan. Perjumpaan yang dilakukan pula tidak bersandarkan untuk kepentingan diri sendiri, malah perlu berbincang untuk kepentingan semua bersama dalam mendapatkan kesepakatan dalam mencapai sebuah muafakat. Jelas menunjukkan di sini bahawa sifat alam dijadikan sebagai mesej dalam kehidupan masyarakat Adat Perpatih bagi mewujudkan keharmonian dalam kekeluargaan dan kemasyarakatan yang selari dengan ajaran Islam. Dinyatakan bahawa, pemikiran pengukir dalam menghasilkan buah buton adalah melibatkan pelbagai aspek yang merangkumi kehidupan masyarakat adat di Luak Tanah Mengandung, di samping ajaran Islam sebagai tonggak utama terhadap pembikinan subjek tersebut.

Pengaruh ajaran Islam turut mempengaruhi lapisan tepat bentuk geometri buah buton yang dipresentasikan daripada masyarakat Adat Perpatih di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan.

Sebagai seorang Muslim; peraturan-peraturan Islam adalah jelas dan tepat untuk diikuti oleh penganutnya yang mana penekanannya kepada keseragaman pemikiran dalam kehidupan seharian. Lapisan yang berbeza dalam potongan lurus yang membina bentuk buah buton mewakili penegasan kekuatan individu untuk menyembah Allah mengikut peraturan dan ketertiban yang ditetapkan oleh agama. Justeru, pola hidup ini selari dengan lafaz adat “adat bersendikan syarak, syarak bersendikan Kitabullah”. Pengulangan bentuk yang serupa misalnya di rumah Dato’ Raja Diwangsa melibatkan pelbagai langkah yang diambil oleh ketua adat yang perlu mengekalkan sikap dan adab yang diperintah oleh agama. Menurut Hamka (2015) dalam “Tafsir Al-Azhar: Karya Agung Ulama Nusantara”, seorang pemimpin seharusnya berilmu dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab serta bijak menggunakan kuasa. Pemikiran dan kepercayaan yang ringkas membawa kepada kesesuaian yang sama dalam membina masyarakat Islam yang menjunjung sistem sosial dan budaya. Oleh itu, bersesuaian dengan ukiran tiga-dimensi tersebut yang dihasilkan dalam kategori bukan struktur bagi rumah tradisional di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan.

Orang Minangkabau yang pernah merantau ke Negeri Sembilan dahulu membawa adat mereka untuk membimbing dan memerintah masyarakat mereka. Melalui adat, seorang pemimpin adat mempunyai kuasa untuk memerintah; di mana hasil daripada penyelidikan ini mendapati bahawa, kedudukan buah buton tergantung di kedudukan tertentu mempunyai kaitan dengan adat. Penempatan subjek tersebut merupakan idea memperkasakan adat melalui struktur kepercayaan asas yang sistematik. Seorang pemimpin adat mempunyai pengaruhnya supaya penghormatan dapat diperoleh secara adil daripada pengikutnya di luak. Pemimpin juga harus berada dalam keadilan yang sama untuk melaksanakan kuasanya supaya masalah itu diselesaikan secara adil sekiranya ada perkara yang timbul dalam masyarakat. Oleh itu, prinsipnya berkaitan dengan struktur imbalan (simetri dan asimetri) yang dibentuk dengan bentuk buah buton yang membenarkan tetapan yang besar dalam parameter rumah. Lokasi dan latar yang tepat berkaitan dengan kelayakan seseorang pemimpin untuk dilantik dan memerintah masyarakat. Sementara itu, konteks keluarga merupakan sandaran utama buat masyarakat Adat Perpatih di Luak Tanah Mengandung. Tanggungjawab pemimpin wajib memastikan perpaduan antara masyarakat dengan kekerabatan.

Dalam Adat Perpatih, masyarakatnya sangat menekankan aspek kekeluargaan. Melalui sistem ini juga, nilai-nilai seperti timbang rasa, tolong-menolong, persefahaman, setia, hormat menghormati dan kejujuran disemai dalam diri ahlinya. Malah, Hamka dalam buku “Sebuah Karya Hamka: Falsafah Kehidupan” (2017), telah menjelaskan perilaku dan perwatakan manusia sesama manusia berpandukan kepada pergerakan yang merujuk kepada adab dan penghormatan. Berikut merupakan petikan daripada penulisan Hamka;

“...Jangan menaikkan jari kiri ketika berbicara, jangan duduk bertongkat ruang (menaikkan lutut sebelah) dekat orang yang lebih tua. Hendaklah berdiri seketika ada orang tua masuk, dan berdiri pula sambil menghantarnya keluar; seketika prang tua itu akan pergi. Jikalau makan bersama-sama dengan tetamu, janganlah lebih dahulu membasuh tangan, walaupun perut telah kenyang. Jikalau merasa hendak mendahului juga membasuh tangan, minta izinlah, tetapi siramkan air di tempat cuci tangan itu ke piring sendiri, sehingga lebihnya tetap bersih. Jikalau makan bersenduk dan bergapu, jangan sampai kedengaran ‘sepak-sintungnya’ dia atas piring. Jikalau meminum air di gelas, janganlah sekali teguk sahaja. Jangan sendawa (membuang anging atau betahak) sehingga kedengaran suara kerasnya did alam alat jamu. Jikalau meminum air panas yang cangkirnya diberi bertadah atau bertatahkan, janganlah minum yang ditadah itu, melainkan tunggu sampai dingin dengan sabar. Jangan meletakkan kopiah di atas lutut. Jikalau bertamu ke rumah seorang teman, jangan mata diperliar. Perempuan tidak boleh tertawa nyaring...” (Sebuah Karya Hamka: Falsafah Kehidupan, 2017).

Malah, Hamka turut menerangkan tentang perilaku dan perwatakan Penghulu khususnya di Minangkabau yang mana mereka perlu ada perasaan merendah diri dan tidak mendongak dagu dengan masyarakat sekelilingnya. Seperti disebut oleh Hamka (2015) dalam petikan di bawah;

“Di Minangkabau di bahagi pula kesopanan penghulu. Tidak boleh berlari di jalan raya, walaupun basah kuyup oleh hujan. Tidak boleh menanggalkan kopiah, tidak boleh memanjat pohon, tidak boleh menyinsinkan lengan baju, tidak boleh menyinsingkan kaki celana, tidak boleh berkata keras dan sebagainya.” (Hamka, 2015).

Ini jelas menunjukkan di sini bahawa, perkataan “bergaul” menjadi kunci utama dalam kehidupan manusia iaitu hubungkait antara satu sama lain. Sama halnya hubungan manusia dengan alam yang amat rapat dan menjadi peneman serta guru buat manusia. Oleh itu, reka bentuk buah buton menjadikan alam terutamanya flora sebagai rujukan utama dalam pembikinan karya tradisi tersebut. Ini mewujudkan perhubungan yang lagi rapat sebagai mengingatkan bahawa diri tidaklah keseorangan, sebaliknya hidup bersama pencipta-Nya.

Kesimpulan

Buah buton merupakan ukiran yang berkonsepkan tiga-dimensi dan diukir berpandukan ajaran Islam. Subjek tersebut tidak menampakkan sebarang bentuk figura bernyawa sebaliknya menjadikan flora sebagai rujukan oleh pengukir pada ketika itu. Ukiran buah buton turut meletakkan kedudukannya sebagai perlambangan terhadap pemimpin Adat Perpatih di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan. Simbolik ini menjadikan buah buton sebahagian daripada struktur rumah yang membawa kepada kepentingan terhadap pemiliknya. Selain itu, subjek tersebut turut mempunyai pengaruhnya dalam mewujudkan sebuah kekuatan dalam mengeratkan hubungan pemimpin dengan masyarakat dalam adat tersebut. Perkara ini merupakan asas kepada perlambangan sifat pemimpin yang memandang kepada kepentingan anak-anak buah yang melantiknya sebagai ketua mereka. Malah, menjadikannya sebagai orang yang berkepentingan dalam menyatupadukan anggota masyarakat. Kepentingan tersebut bukan menjadikan penghuni rumah bangga diri, sebaliknya merendah diri dengan apa yang mereka miliki. Perkara ini yang diajar dalam agama agar meletakkan diri untuk terus taat dengan perintah Allah walaupun bergelar pemimpin. Sudah pasti, aspek tersebut merupakan gambaran sebenar masyarakat Adat Perpatih yang kuat berpegang teguh dengan ajaran Islam dan tidak mengetepikan unsur kesenian dan kebudayaan tradisi mereka. Oleh itu, ukiran tiga-dimensi ini sangat sesuai diaplikasikan pada bangunan-bangunan yang menjadi tumpuan orang awam. Sebagai contoh masjid yang menjadi tumpuan umat Islam untuk beribadat selain ukiran tersebut selari dengan konteks keislaman. Kesenian tersebut juga boleh menghiasi ruang-ruang bangunan kerajaan sebagai penyampaian sebuah mesej tentang konsep ketuhanan yang harus disemai dan difahami dalam diri semua pihak. Walaupun sekadar ukiran tiga-dimensi, tidak bermakna intipati dan keindahannya tidak dihayati oleh orang awam. Cadangan pengaplikasian buah buton yang berkonsepkan tiga-dimensi tersebut bukan sekadar menjadikannya sebagai dekorasi semata-mata, sebaliknya membawa dan mengetengahkan identiti sesuatu bangsa yang belum dipamerkan untuk tatapan umum. Maka, ukiran ini boleh menjadi sebuah pengenalan identiti bangsa Melayu di peringkat global dengan hanya ukiran tiga-dimensi buah buton. Selain itu, pengekalan identiti tersebut juga merupakan sebuah perlambangan Adat Perpatih yang menggunakan konteks kesenian sebagai mengetengahkan jiwa masyarakat adat tersebut. Andai hilang pengenalan ini, maka pemahaman tentang Adat Perpatih akan ditelan zaman.

Rujukan

- Abdul Halim Nasir. (2016). *Ukiran kayu Melayu tradisi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Khalid Ujang, temu bual, Februari 28, 2019.
- Abdul Samad Idris, Abdul Muluk Daud, Muhammad Tainu & Norhalim Ibrahim (Eds.). (1994). *Negeri Sembilan gemuk berpupuk segar bersiram: Luak tanah mengandung*. Muzium Negeri Sembilan Darul Khusus.
- Abdullah Alwi Hassan. (1996). Islam dan Wanita. *Jurnal Usuluddin*, 4, 105-116.
- Al-Quran Al-Karim: Terjemahan & tajwid berwarna*. (2018). Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Arif Otok, temu bual, Oktober 3, 2018.
- Hamka. (2015). *Tafsir al-azhar: Karya agung ulama nusantara*. PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Hamka. (2017). *Sebuah Karya Hamka: Falsafah Kehidupan*. Publishing House Sendirian Berhad.
- Hashim Sahad, temu bual, September 18, 2018.
- Ismail Said & Ahmad Saifuddin Abdullah. (2001). *Spesis-spesis kayu dalam seni ukiran Melayu*. Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Izani Mat M. Hum. (2013). *Ekspresi keperibadian Melayu di sebalik ukiran kayu tradisional*. *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 1(1), 26-32.
- Makiah Tussaripah Jamil & Jamaliah Mohd Taib. (2012, June). *Kajian adat Perpatih di Negeri Sembilan: Satu tinjauan menurut perspektif Islam* [Paper presentation]. Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-5, Brunei Darussalam.
- Mawardi, A. M. (1996). *Al-ahkam al-sultaniyyah: The islamic of governance*. Ta-Ha Publishers.
- Mohd Nor Mohd Amin @ Noramin, temu bual, Februari 24, 2019.
- Mohd Norhusairi Mat Hussin & Mohd Hafiz Jamaludin. (2016). Harta sepencarian vs harta perkahwinan dalam perundangan sivil: Satu sorotan ringkas. *Al-Basirah Journal*, 6(1), 79-96.
- Mohd Rosli Saludin & Mohammad Hanafiah Maulud. (2021). The origin of the tribes in Negeri Sembilan based on location in West Sumatera, Indonesia. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 5(1), 137-147.
- Mohd Rosli Saludin. (2009). *Teromba sebagai alat komunikasi dalam kepimpinan Adat Perpatih*. Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Mohd Sabrizaa Abd Rashid & Sufian Che Amat. (2008, July 20-21). *The traditional Malay architecture: Between aesthetics and symbolism* [Paper presentation]. Proceeding Seminar on Intellectual Property and Heritage Issues in Built Environment, Kuala Lumpur.
- Mohd Zambri Md. Hussain. (1997). *The traditional Malay House: The timber framed tradition and its preservation as approach towards conservation*. [Master's thesis] University of York.
- Mualimin Mochammad Sahid. (2018, Mei 1). *Adat Perpatih berpandukan syarak* [Paper presentation]. Seminar Adat Perpatih dan Syarak Berpisah Tiada, Majlis Kerapatan Luak Tanah Mengandung, Seri Menanti, Negeri Sembilan.
- Muhammad Pauzi Abdul Latif, temu bual, Julai 20, 2018.
- Nila Inangda Manyam Keumala Daud, Ezrin Arbi & Mohammad Faisal. (2012). The application of Malay wood carving on contemporary architecture in Malaysia. *Journal of Design and Built Environment*, 11(1).
- Noor Hayati Ismail, Shahrul Kamil Yunus & Mastor Surat. (2016). Reka bentuk rumah tradisional Negeri Sembilan dipengaruhi oleh adat dan kedaerahan. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*, 15, 113-136.
- Nordin Selat. (1976). *Sistem sosial adat Perpatih*. Utusan Melayu Berhad.
- Nordin Selat. (2014). *Sistem sosial adat Perpatih*. PTS Akademia.
- Norhalim Ibrahim. (1985). Perkembangan dan perubahan adat Negeri Sembilan. In Wan Abdul Kadir & Zainal Abidin Borhan, (n.d.), *Fenomena 2*. Siri Penerbitan Jabatan Pengajian Melayu.
- Norhalim Ibrahim. (1993). *Adat Perpatih: Perbezaan dan persamaannya dengan adat Temenggung*. Fajar Bakti Sdn. Bhd..
- Nur Adina Abdul Kadir, Nang Naemah Nik Dahalan & Norsaeidah Jamaludin. (2018). Seni dalam Islam: Kajian khusus terhadap seni ukir. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 1, 1-15.
- Raja Nafida Raja Shahminan, Fawazul Khair Ibrahim, Syed Ahmad Iskandar Syed Ariffin & Gurupiah Mursib. (2009). *100 tahun istana Lama Seri Menanti*. Lembaga Muzium Negeri Sembilan.

Raja Nafida Raja Shahminan, temu bual, Julai 23, 2018.

Raja Nafida Raja Shahminan. (2007). *Rumah tradisional Luak Tanah Mengandung: Kajian inventori rumah bumbung panjang*. Lembaga Muzium Negeri Sembilan.

Rosiswandy Mohd Salleh. (2017, Mei 25). *Sejarah pengamalan adat Perpatih di Negeri Sembilan*. <http://www.jmm.gov.my/files/ORIGINAL%20NOTA%20SEJARAH%20PENGAMALAN%20ADAT%20PERPATIH%20DI%20NEGERI%20SEMBILAN%20PDF.pdf>

Shamsuddin Ahmad, temu bual, Julai 18, 2018.

Siti Fatimah Tuzzahrah Abd Latif & Kamarul Afizi Kosman. (2017). The serambi of Negeri Sembilan traditional Malay house as a multifungsional space-role in custom (ADAT). *Journal of Design and Built Environment*, 17(2), 37 – 50.

Siti Haliza Yusop. (2017, Februari 29). Keunikkan Tiang Gantung Tak Jejak Bumi. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/nod e/241148>.

Siti Rohamini Yusof, temu bual, September 17, 2018.

Sulaiman Kasim, temu bual, Mei 20, 2018.

Syed Ahmad Syed Jamal. (2010). *Rupa dan jiwa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Yaakub Idrus. (1996). *Rumah tradisional Negeri Sembilan: Satu analisis seni bina Melayu*. Fajar Bakti.